

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

SOALAN : 364

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi bagi menangani jenayah rasuah dan salah laku yang melibatkan kakitangan penjawat awam yang sukar dibendung.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Antara inisiatif yang dilaksanakan bagi menangani jenayah rasuah dan salah laku adalah penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Objektif penubuhannya adalah untuk menyatupadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan integriti di bawah satu unit khusus supaya inisiatif-inisiatif penginstitution integriti berdasarkan

enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesanan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

Pegawai-pegawai yang telah ditauliahkan melalui Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang diadakan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia yang menerajui Unit Integriti di organisasi masing-masing.

Oleh yang demikian, pada 14 Mac 2014, Kerajaan juga telah bersetuju supaya usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentabdiran Kerajaan terus dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014.

Keanggotaan JITU Peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk Tadbir Urus dan Integriti. Manakala, keahlian JITU Peringkat Kebangsaan adalah terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Perkhidmatan Awam, Ketua-ketua Jabatan, Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pasukan Khas Perunding JITU (PKP JITU), Ketua-ketua Unit Integriti Kementerian, Ketua-ketua Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan ahli-ahli lain yang difikirkan perlu.

Peranan dan tanggungjawab JITU Peringkat Kebangsaan adalah untuk:

- i) Mengenalpasti, menganalisis dan merancang tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi isu-isu integriti

- dan tadbir urus di bawah enam terma rujukan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;
- ii) Mengenalpasti isu-isu berdasarkan laporan audit dan laporan penarafan seperti Laporan Ketua Audit Negara, Indeks Akauntabiliti dan Pengurusan Kewangan serta Sistem Pengurusan Audit Nilai; dan
 - iii) Memantau pelaksanaan dan keberkesanan cadangan-cadangan penyelesaian kepada isu serta inisiatif-inisiatif yang diputuskan oleh JKKMKPK dan JITU Peringkat Kebangsaan, JITU Peringkat Kementerian dan Negeri.

Mesyuarat ini diadakan **sekurang-kurangnya tiga kali setahun** dan akan dipengerusikan oleh YB Menteri. Manakala, di peringkat Kementerian pula, Ketua Setiausaha Kementerian telah ditetapkan untuk menubuhkan JITU di Peringkat Kementerian. Ini secara tidak langsung akan **mempertingkatkan kawalan dalaman** terhadap ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah serta mengatasi kelemahan pengurusan, karenah birokrasi, penyelewengan, salahguna kuasa dan kelemahan sistem penyampaian perkhidmatan.

Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan juga merupakan salah satu *platform*, yang mana, jika sekiranya Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi mempunyai isu-isu berbentuk generic boleh diketengahkan untuk dibincangkan untuk cadangan penambahbaikan. Selain itu, isu di peringkat dalaman juga boleh diselesaikan dengan menggunakan pendekatan yang sama dan dikongsi dengan organisasi lain sebagai amalan terbaik (*best practice*) untuk dicontohi.

Sekian, terima kasih